

Headline	MUZIUM POKOK TERANCAM		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	16 Feb 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	10,11	ArticleSize	1760 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 69,333
Journalist	Iskandar	PR Value	RM 208,000
Frequency	Daily		



# 'MUZIUM' POKOK TERANCAM

Oleh Iskandar Shah Mohamed dan Hafidzul Hilmie Mohd Nor  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Jabatan Landskap Negara sedang melaksanakan projek penanaman spesies pokok terancam dan memulihara sungai kelas pertama di Taman Persekutuan Bukit Kiara di sini, sekali gus menjadikan kawasan hutan itu sebagai Taman Aboretum atau 'muzium hidup' koleksi pokok tropika di negara ini.

Ia dijalankan secara berperingkat sejak beberapa tahun lalu dan sebanyak 50,000 pokok seperti cengal, meranti, belian dan keruing dijangka ditanam di kawasan berkeluasan 153 hektar berkenaan menjelang 2020 kelak.

Selain itu, terdapat beberapa punca sumber air kepada Sungai Penchala dikenal pasti mempunyai kualiti air bersih dan menjadi satu-satunya sumber sungai yang boleh terus diminim dan diakses dengan mudah di ibu negara.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat jabatan itu Ahmad Syahruddin Kamaruddin berkata, pihaknya mempergiatkan usaha pemuliharaan selepas mengambil alih pengurusan taman rekreasi berkenaan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak 2010.

"Taman Persekutuan itu adalah kawasan bekas ladang getah yang didapati mempunyai taburan pokok tropika yang kurang dari sudut kepelbagaiannya. Kami melihat keperluan spesies pokok yang boleh ditanam di situ secara terperinci dalam usaha menjadikannya seba-

■ Jabatan Landskap Negara tanam semula pohon hampir pupus di Taman Persekutuan Bukit Kiara

**Kami melihat keperluan spesies pokok yang boleh ditanam di situ secara terperinci dalam usaha menjadikannya sebagai muzium terutama bagi spesies terancam dan bermilai tinggi di ibu kota"**

Ahmad Syahruddin Kamaruddin

gai muzium terutama bagi spesies terancam dan bermilai tinggi di ibu kota.

"Justeru, kami dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

menjalankan pelbagai kajian saintifik dan kesesuaian spesies bagi memastikan kawasan itu sentiasa terpelihara serta memperkayakan lagi



masih tidak tercemar.

"Secara umumnya, ia mula dilaksanakan sekitar awal 1990-an oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan ujian dan mendapati air di hulu sungai berkenaan berkualiti baik berdasarkan ketiadaan pencemaran atau dikategorikan dalam kelas I (pertama).

"Ia adalah kawasan taman bagi anak Sungai Penchala dan sumber daripada air hujan yang tersimpan di kawasan itu mengalir di celahan batu dan membentuk alur anak sungai. Ia terbukti bersih kerana boleh terus diminum selain turut menjadi habitat beberapa spesies udang, ketam dan pepatung


. Menurut beliau, pihaknya dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut menjalankan pemantauan terhadap kualiti air sungai di kawasan itu terutama beberapa punca air anak sungai yang katanya.

Kata Ahmad Syahruddin, kedua-dua elemen penting itu menjadi antara keunikan taman berkenaan yang sekian lama.

mungkin belum diketahui segelintir umum sedangkan ia dikunjungi antara 1,000 hingga 5,000 orang termasuk NGO dan penuntut universiti untuk membuat kajian.

Sehubungan itu, pihaknya meminta orang ramai supaya sentiasa menghargai alam sekitar dan bersama menjadikan 'pemandu' di kawasan berkenaan yang dibuka secara umum sejak sekian lama.

FOTO: SADDAM YUSOFF



ANTARA kemudahan bersukan disediakan di Taman Persekutuan Bukit Kiara.

ORANG ramai melakukan aktiviti berjogging dan berbasikal.

Headline	MUZIUM POKOK TERANCAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	10,11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1760 cm <sup>2</sup>
Journalist	Iskandar	AdValue	RM 69,333
Frequency	Daily	PR Value	RM 208,000

**LATAR BELAKANG ANAK SUNGAI PENCHALA**

Terdapat dua punca air anak Sungai Pechala dan terletak dalam Zon Arboretum, TPBK

SEORANG bapa melakukan aktiviti senaman bersama anaknya.

**GRAFIK HARIAN METRO SELALU**

**ORANG ramai berhenti selepas melakukan aktiviti berbasikal.**

**TREK** mencabar menguji kehandalan penunggang basikal lasak.

**TAMAN** Persekutuan Bukit Kiara jadi tempat tumpuan warga asing melakukan aktiviti riauh.

**PENGUNJUNG** juga melakukan aktiviti berbasikal lasak.